

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia  |
| Date      | 18 November 2015 |

## Najib hos persidangan dihadiri pemimpin dunia

11/11/2015

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Pemimpin-pemimpin dunia termasuk Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dijadual menyertai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika Malaysia menjadi hos bagi Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 dan Sidang-sidang Berkaitan minggu ini.

Banyak perkara akan dibincangkan semasa pemimpin-pemimpin serantau dan rakat sejawatan mereka dari kumpulan dialog ASEAN, bermesyuarat di ibu negara Malaysia dari **18** hingga **22** November, dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Agenda utama ialah membincangkan penubuhan Komuniti ASEAN pada **31** Disember **2015**, satu peristiwa besar dalam sejarah pertubuhain berusia **48** tahun itu yang akan dicatatkan di Kuala Lumpur menerusi upacara menandatangani satu deklarasi oleh pemimpin-pemimpin rantau berkenaan.

Mereka juga dijangka mengeluarkan satu lagi dokumen yang merangka haluan ke hadapan bagi Komuniti ASEAN dalam tempoh **10** tahun akan datang hingga **2025**.

Kumpulan 10-negara itu dianggotai Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Pemimpin-pemimpin Asia Tenggara itu akan juga mengadakan sidang kemuncak dengan rakan dialog ASEAN - China, Jepun, Korea Selatan, India, Russia, Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Siri mesyuarat peringkat tinggi itu, termasuk Sidang Kemuncak Asia Timur ke-10, akan berlangsung ketika masyarakat dunia berdepan dengan kesan serangan ganas di Paris Jumaat lepas yang mengorbankan lebih 100 orang dan mendapat kutukan seluruh dunia. -BERNAMA